Bryan (tujuh dari kiri) bersama barisan pemenang 'SJMC Run 2024 - Diabetes Dash: Empowering Steps to Wellness' bagi kategori 21km, 10km dan veteran.

senaman tetap dan diet seimbang dalam pencegahan diabetes.

"Rasa kemasyarakatan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan menggalakkan masyarakat untuk mengutamakan kesihatan mereka dalam memerangi penyakit yang semakin meningkat ini," tegas beliau.

Tambah Bryan, bagi menggalakan usaha memerangi penyakit tersebut, pihaknya menyumbang peranti pemantauan glukosa berterusan (CGM) dan glukometer bernilai RM19,000 kepada pesakit kencing manis yang kurang bernaib baik melalui Action4Diabetes (A4D).

Jelasnya, sumbangan berkenaan mencerminkan bukti dedikasi SJMC dalam menyokong dan membantu kumpulan tersebut menguruskan keadaan mereka dengan lebih berkesan.

"Terima kasih kepada semua kerana menyokong kami dalam menyumbang kepada tujuan yang lebih besar," katanya.

Menurut Bryan, diabetes menjadi kebimbangan kesihatan utama di negara ini kerana menjejaskan satu daripada enam orang dewasa.

Kata beliau, menjelang 2025, jumlah penghidap diabetes boleh mencecah angka tujuh juta orang.

"Dengan tema, 'Diabetes Dash: Empowering Steps to Wellness', tujuan SJMC adalah



Peserta 'SJMC Run 2024 - Diabetes Dash: Empowering Steps to Wellness' memulakan larian di Mediplex, SJMC pada Ahad.

meningkatkan kesedaran dan menggalakkan gaya hidup sihat untuk mencegah serta mengurus diabetes.

"Pasukan pelbagai disiplin pakar penjagaan kesihatan kami termasuk ahli endokrinologi, pendidik diabetes dan jururawat menyediakan pengesanan awal, pendidikan dan sokongan untuk membantu individu membuat perubahan positif," ujarnya.

Beberapa kategori diperkenalkan, antaranya 3km larian santai dan perlumbaan kompetitif sejauh 10km serta 21km.

Pertandingan larian 21km bagi kategori lelaki dimenangi

oleh Job Minacho Kamonde manakala Noor Amelia Musa bagi kategori wanita.

Selain itu, johan acara veteran lelaki bagi kategori 21km diraih oleh Mohd Nazri Ahmad manakala kategori wanita pula dimenangi oleh Tiffany Lee.

Sementara itu, juara bagi larian bagi 10km kategori lelaki dimenangi oleh Nikos Tai Lee Onn manakala Pauline Barbet pula mendapat johan bagi kategori wanita.

Tempat pertama bagi kategori veteran lelaki untuk 10km diraih oleh Suresh Munianday manakala kategori wanita pula diraih oleh June Yap.



Bryan (tengah) menyampaikan sumbangan kepada wakil A4D sempena 'SJMC Run 2024 - Diabetes Dash: Empowering Steps to Wellness' di Mediplex, SJMC pada Ahad.

SINAR HARIAN

Tarikh:0..1..DEC..2024....

Keadaan banjir seluruh negara lebih teruk daripada 2014

84 2/12

SHAH ALAM - Keadaan banjir di seluruh negara ketika ini khususnya di Kelantan dan Terengganu amat membimbangkan kerana ia lebih teruk berbanding tahun 2014.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, lebih merisaukan adalah keadaan dijangka semakin buruk dengan fenomena air pasang besar di Laut China Selatan dan di Selat Melaka yang berada di puncaknya.



AHMAD ZAHID

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berkata, terbaru Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangka berlaku pengurangan luruhan hujan nanti.

"Kita yakin dengan pengurangan luruhan hujan itu, ia akan mengurangkan pemindahan (mangsa banjir) ke pusat pemindahan sementara," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini pada Ahad.

Susulan itu, Ahmad Zahid berharap agar penduduk di negeri yang terkesan dengan banjir dapat mengikut arahan jawatankuasa bencana negeri.

Katanya, ketika ini lebih 82,000 pegawai dan anggota keselamatan telah dimobilisasikan bagi membantu mangsa di kawasan terlibat.

Beliau berkata, ketika ini PPS yang ada di seluruh negara mampu menampung kira-kira 2.1 juta mangsa banjir.

"Namun kita merasakan kesiapsiagaan sahaja tidak mencukupi, penduduk di kawasan yang dijangkakan banjir terutama di kawasan rendah hendaklah mengikut nasihat diberikan jawatankuasa bencana negeri untuk berpindah awal.

"Kita tidak mahu jumlah kematian bertambah, maka kesiapsiagaan dan amaran awal mesti diikuti sepenuhnya agar dapat mengelakkan kehilangan nyawa," katanya yang turut meminta agar badan sukarelawan dan individu supaya bersedia untuk menyalurkan bantuan pascabencana bagi meringankan beban mangsa pascabanjir.

Ahmad Zahid seterusnya meminta semua pihak agar mengetepikan perbezaan fahaman politik demi membantu mangsa banjir yang terkesan. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: 01 DEC 2024

MINIMUM KADAR INFLASI 84M

Subsidi bersasar RON95 2/12 perlu lebih jelas, berkesan

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan untuk melaksanakan subsidi bersasar bagi RON95 dilihat mampu meminimumkan kadar inflasi sekiranya mekanisme pelaksanaannya dibuat lebih jelas dan berkesan, kata Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

Beliau berkata, apabila harga RON95 diapungkan serta-merta kepada paras pasaran, kos bahan api ini akan meningkat dengan ketara.

Katanya, memandangkan pemberat RON95 dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah signifikan, inflasi boleh melonjak pada peringkat awal pelaksanaan.

"Namun, jika mekanisme subsidi bersasar dilaksana-

kan apabila golongan pendapatan tinggi membayar harga tanpa subsidi, maka golongan berpendapatan sederhana dan rendah menikmati harga bersubsidi, kesannya terhadap kadar inflasi dapat diminimumkan.

"Bagaimanapun, kejayaan mekanisme ini bergantung kepada kejelasan dan keberkesanan pelaksanaannya dan pada masa ini, kesan praktikalnya masih sukar untuk diramalkan," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, kesan inflasi memang tidak dapat dielakkan, tetapi ia boleh diminimumkan melalui langkah mitigasi seperti bayaran tunai, Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (Sara), bantuan awal persekolahan dan subsidi bersasar.

HARIAN METRO
Tarikh: 01 DEC 2024...

Rujuk NADMA, JKM selaras agihan bantuan bah



Nancy melawat ruang klinik pada majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Pengerusi LPPKN, Datuk Seri Rohani Abdul Karim. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta yang ingin membantu mangsa banjir dinasihat merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) atau Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi menyelaraskan agihan bantuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya menghargai inisiatif dan usaha murni dilakukan untuk membantu mangsa banjir, namun pelarasan perlu dibuat bagi memastikan agihan bantuan lebih tersusun dan menyeluruh.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan agensi terbabit serta NGO atau swasta untuk mengatur pergerakan agihan bantuan terutama di kawasan terputus hubungan atau berdepan risiko keselamatan.

"Pihak NGO atau swasta juga dinasihatkan supaya bergerak melalui kerajaan dan tidak bekerja secara sendiri.

"Kita faham yang menjadi mangsa itu keluarga, rakan kita, tetapi kita perlu selaraskan.

"Hubungi NADMA, JKM atau pejabat daerah. Kita akan bantu selaraskan, kalau tanpa pemakluman kita juga tak dapat nak bantu kerana ada kawasan yang sukar diakses dan kita juga mahu tiada mangsa yang keciciran bantuan," katanya selepas menghadiri majlis Jalinan Kasih Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2024 dan perasmian Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP), di sini semalam.

Nancy memberi jaminan, Kementerian menerusi JKM bersama NADMA akan memastikan agihan bantuan bencana diselaraskan sebaiknya bagi memastikan tidak berlaku keciciran bantuan.

"Koordinasi dengan semua agensi terbabit juga dibuat dengan teliti. Ini pendekatan menyeluruh kerajaan untuk membantu mangsa banjir.

"Setakat ini, juga tiada laporan keciciran bantuan yang ada kes

di Rantau Panjang (Kelantan) kerana lokasi menjadi pulau akibat banjir, namun kita sudah ditangani segera," katanya.

Atur bantuan, sukarelawan

Di Shah Alam, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata Selangor dalam perbincangan untuk menggerakkan sukarelawan negeri bagi membantu proses pembersihan pascabanjir di negeri yang terkesan dengan bencana itu.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang berhubung dengan beberapa kementerian antaranya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mengatur pergerakan bantuan dan sukarelawan.

Beliau sedang memuktamadkan perkara itu pada peringkat pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya sudah mengadakan perbincangan awal untuk membantu proses pembersihan nanti selepas musim banjir. Kita akan buat bersama, terutama di Kelantan, Terengganu dan Kedah yang kita lihat kesannya amat buruk," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....01 DEC 2024.....

Fahami punca banjir, usah salahkan fenomena alam

Oleh Dr Erna Masfiza Mohamed Ramli
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Fakulti Perniagaan
dan Pengurusan,
Open University
Malaysia (OUM)

Banjir melanda di sembilan negeri dengan lebih 150,000 mangsa dengan Selangor menjadi negeri terbaharu, manakala Kelantan menyaksikan bah terburuk dalam sejarah seperti disifatkan Ketua Polisnya, Datuk Mohd Yusoff Mamat memberikan peringatan kepada kita semua.

Pertama, apakah kita benar-benar memahami punca banjir atau hanya menyalahkan fenomena alam semata? Hakikatnya, ia bukan sekadar tragedi alam semula jadi, bahkan bayangan kesan tindakan manusia selama ini yang kini menghantui kita.

Pembangunan industri tidak lestari dan pengabaian keseimbangan alam sekitar menyumbang kepada keadaan seperti tikus membaiki labu kerana usaha pembangunan tidak bertanggungjawab membawa lebih banyak mudarat daripada kebaikan.

Perubahan iklim hasil kerakusan manusia antara penyebab utama bencana banjir kita hadapi hari ini. Pembangunan industri tidak terkawal seperti pelepasan gas rumah kaca daripada

pembakaran bahan bakar fosil, menyebabkan pemanasan global.

Gas berbahaya terperangkap di atmosfera, mencetuskan kesan rumah hijau meningkatkan suhu bumi, akhirnya menyebabkan cuaca ekstrem, termasuk banjir. Ironinya, 'pembangunan' ini membawa kemusnahan kepada komuniti dan alam sekitar.

Pastinya tidak semua pernah merasai keperitan akibat banjir, tetapi kita semua dapat melihat kerosakannya seperti rumah musnah, kehidupan terganggu dan kesengsaraan mangsa berusaha bangkit semula. Banjir kerap berlaku akibat kerakusan menjejaskan kemajuan mengingatkan kita betapa pentingnya Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya Matlamat Ke-12 Sasaran Ke-6 (SDG 12.6) yang menggalakkan amalan lestari dalam kalangan industri.

Tingkat kesedaran amalan hijau

Kerajaan proaktif meningkatkan kesedaran industri terhadap amalan hijau. Program MyHI-JAU mempromosikan penggunaan dan pembelian produk serta perkhidmatan hijau di negara ini sejak 2012 lagi.

Malah, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), di bawah fokus utama kelapan, iaitu mempercepatkan pertumbuhan hijau, juga menekankan

kepentingan amalan hijau sebagai pemangkin untuk memastikan amalan hijau lebih praktikal dan diterapkan semua pihak dalam industri.

Selain kerajaan, sudah ada beberapa usaha positif daripada sektor perkilangan patut kita teladani. Ajinomoto Malaysia misalnya memasang panel suria di bumbung kilang untuk menghasilkan tenaga elektrik bersih, mengurangkan pelepasan karbon, usaha mendapat pengiktirafan SILVER daripada Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Namun, usaha industri tidak mencukupi tanpa sokongan masyarakat. Pengguna mempunyai peranan besar menyokong amalan pembuatan lestari. Dengan memilih produk dihasilkan secara mesra alam, kita memberi insentif kepada syarikat untuk terus mengadaptasi teknologi hijau.

Walaupun industri terutama kilang menjadi tunjang ekonomi Malaysia, pengembangan pesat memberi tekanan besar kepada alam sekitar. Bagi memastikan kemajuan berterusan, keseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan kelestarian alam adalah kunci utama. Jika tidak, kita mungkin hanya mewariskan kemusnahan kepada generasi akan datang.

Pilihan ini berada di tangan kita semua dan jawapannya akan menentukan nasib masa depan. Adakah kita mahu melihat kehancuran memusnahkan atau kesejahteraan lestari?

BERITA HARIAN
Tarikh... 01 DEC 2024

NSTP edar 900 akhbar percuma

Inisiatif syarikat sokong kempen, budaya membaca kepada pengunjung

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bh.com.my

Shah Alam: Sebanyak 900 naskhah akhbar *BH*, *Harian Metro* dan *New Straits Times* (NST) percuma diedarkan kepada pengunjung Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, di sini setiap hari sepanjang acara itu berlangsung hingga esok.

Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Projek Khas The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tengku Kaifimirza Tuan Cherit, berkata inisiatif istimewa pihaknya itu bertujuan menyokong kempen dan budaya membaca, sekali gus memberikan manfaat kepada pengunjung

SIBF 2024.

"Edaran akhbar *BH*, *Harian Metro* dan *NST* masing-masing 300 naskhah setiap hari itu diharapkan dapat memeriahkan SIBF ini dan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda.

"Selain itu, setiap pengunjung hadir ke pesta buku ini berpeluang untuk menikmati langganan *BH* versi akhbar digital atau e-paper percuma selama satu tahun," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Tengku Kaifimirza berkata, langganan itu bertujuan memberi akses mudah terhadap berita terkini dan bahan bacaan digital relevan.

"Pengunjung hanya perlu mengimbas kod QR yang disediakan untuk menerima hadiah istimewa berupa satu kotak biskut sarapan tajaan Nestle," katanya.

"SIBF antara acara penting menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Dengan menyediakan akhbar percuma, langganan e-akhbar dan hadiah, kami berharap dapat me-



Tengku Kaifimirza mengedar akhbar *BH* kepada pengunjung pada Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) 2024, di Shah Alam, semalam. (Foto NSTP/BH)

narik lebih ramai pengunjung dan memberi pengalaman bermakna kepada mereka," katanya.

Tujuh ruang program

Selain menawarkan pilihan pelbagai judul dan genre, SIBF 2024 turut menyediakan tujuh ruang

program dan aktiviti setiap hari, iaitu pentas utama, ruang piano, dewan, peringkat kanak-kanak, pentas foyer, mencari harta karun serta bilik fungsi.

Antara program menarik diadakan semalam semalam ialah *Hati dan Minda Sasterawan/Karyawan*, *Pertandi-*

ngan Lagu Pantun Bersama Roslan Madun, Forum Si Cilik Persekitaran Kanak-Kanak Sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Antarabangsa serta Persembahan Drama Pantun 'Syurga Yang Terbuang' dan Persembahan Puisi 'Rindu Tanpa Noktah'.

Graduan, universiti perlu tunai amanat diraja cantas akar rasuah

Titah Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang mengingatkan rasuah, ketirisan, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah ibarat barah sedang merosakkan anatomi negara serta mengakibatkan rakyat menanggung beban berat semasa Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya (UM) ke-64, kelmarin sangat signifikan.

Ini kerana titah Sultan Nazrin yang juga Canselor UM itu boleh diibaratkan amanat besar kepada lebih 10,000 graduan diploma, sarjana dan doktor falsafah yang akan menggalas pelbagai tanggungjawab sama ada sebagai profesional, teknokrat, korporat atau meneruskan taklif ilmu dalam dunia akademik.

Bermakna, amanat baginda supaya sistem pentadbiran, tadbir urus dan tatakelola berasaskan nilai, prinsip dan amanah perlu dijadikan teras membentuk budaya kerja menjangkau batasan kaum serta agama, status sosial dan ekonomi perlu dibawa keluar dari dewan berkenaan bersama skrol ijazah. Malah, amanat sama wajar diberikan perhatian semua graduan menjalani acara konvokesyen sama ada universiti awam mahupun institusi pengajian tinggi swasta lain.

Hakikatnya dalam tempoh lima tahun ini sahaja, negara kerugian RM277 bilion akibat jenayah rasuah berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar sejak 2018. Jumlah itu menyamai 5,540 sekolah menengah; 277 universiti seperti Massachusetts Institute of Technology memfokuskan pendidikan kecerdasan buatan (AI) secara merentas disiplin dan 554 hospital daerah dilengkapi 304 katil, 16 bilik bedah, 16 bilik bersalin serta 65 bilik konsultasi rawatan pesakit luar.

Malah, kerugian itu akan berganda jika kita mengambil kira apa boleh dilakukan dengan wang sebanyak itu untuk mengeluarkan isi rumah miskin tegar dan B40 daripada lingkaran ganas kemiskinan atau menampung kos pendidikan yang dapat melahirkan sumber manusia berilmu dan berkepakaran. Lebih penting, rasuah membarah merosakkan sifat empati dan kemanusiaan sehingga menjadikan manusia berhati binatang yang mengejar kekayaan tanpa mempedulikan negara serta masyarakat.

Dalam konteks ini juga, titah Sultan Perak bukan sahaja perlu diambil perhatian graduan, bahkan ahli akademik dan pentadbir universiti itu sendiri. Ini kerana universiti mempunyai tugas penting bukan sahaja mempersiapkan siswazah untuk tuntutan pembangunan negara dan industri, bahkan menyediakan modal insan memiliki sifat amanah serta integriti tinggi.

Universiti perlu menjadi benteng utama dengan menerapkan pendidikan menyeluruh, menggabungkan elemen budaya ilmu, etika dan spiritual. Apatah lagi, mantan Naib Canselor UM, Allahyarham Dr Syed Hussein Alatas sendiri memberikan penekanan kepada bahaya rasuah seawal 1960-an lagi termasuk melalui bukunya, *The Sociology of Corruption, The Problem of Corruption* dan *Corruption: Its Nature, Causes and Functions*.

Hakikatnya, usaha kerajaan membanteras rasuah bergantung sejauh mana universiti dapat membentuk pemimpin dan pemikir, profesional, teknokrat serta korporat mencantas akar jenayah itu. Pada masa sama, graduan menerima skrol dan amanat daripada titah diraja itu akan menentukan sama ada mereka akan keluar ke tengah khalayak sebagai pengubat kepada barah rasuah atau penambah parah yang terus merosakkan anatomi negara, sekali gus terus membebankan rakyat.

BERITA HARIAN
Tarikh...01 DEC 2024

PENYAKIT BERJANGKIT KETIKA BANJIR

LEPTOSPIROSIS (Kencing Tikus)

Jangkitan bakteria yang tersebar melalui kontak dengan air kencing haiwan terutama tikus dalam persekitaran selepas banjir. Gejala, termasuk demam, sakit kepala, sakit otot dan ada kala loya, muntah serta sakit perut.



DEMAM DENGGI

Disebabkan oleh nyamuk *Aedes*, meningkat dengan ketara selepas banjir disebabkan oleh pertambahan air bertakung yang menjadi tempat pembiakannya, serta hujan yang berlebihan semasa musim tengkujuh. Gejala teruk seperti demam panas, sakit kepala, sakit otot dan sendi, dan mungkin loya, muntah serta cirit-birit.




MALARIA

Bawaan nyamuk yang disebabkan oleh parasit *Plasmodium*, terutama disebabkan melalui gigitan nyamuk tiruk (*Anopheles*) betina yang dijangkiti.

JANGKITAN SALURAN PERNAFASAN

Kerana persekitaran yang sesak dan pemakanan yang tidak sihat, serta kemudahan penjagaan kesihatan yang terhad menyumbang kepada peningkatan risiko.



DEMAM KEPIALU (tifoid)

Akibat dijangkiti bakteria spesifik *Salmonella Typhi* (*S. Typhi*). Bacteria ini dijumpai dalam sumber makanan, minuman, dan bekalan air yang telah dicemari.

DISENTRI

Sejenis gastroenteritis, merujuk kepada jangkitan dan keradangan pada usus yang menyebabkan cirit-birit berdarah atau berlendir. Dua jenis disentri iaitu yang berpunca daripada jangkitan bakteria (Bacillary dysentery) atau akibat jangkitan parasit (Amoebic dysentery). Contoh jangkitan disentri yang paling diketahui adalah *Escherichia coli* (*E. coli*).



TAUN (Kolera)

Akibat termakan atau terminum sebarang sumber yang mengandungi bakteria *Vibrio cholera* (*V. cholera*).



Sebaik bakteria menyerang usus, ia boleh menyebabkan cirit-birit berair yang teruk sehingga hilang nutrien penting dalam badan, termasuk cecair, elektrolit, natrium, dan potasium.

HEPATITIS A

Keradangan hati yang terjadi akibat virus hepatitis A. Gejala hepatitis A boleh muncul antara dua hingga empat minggu selepas dijangkiti.



DEMAM CAMPAK

Mudah berjangkit ketika bersesak di PPS. Berjangkit jika terkena titisan batuk, selesema atau percakapan jarak dekat daripada individu yang menghidap demam campak.



KONJUNGTIVITIS (Sakit mata)

Dikenali sebagai pink eye merujuk kepada keradangan pada konjungtiva, iaitu selaput jernih yang melitupi mata putih dan bahagian dalam kelopak mata. Konjungtivitis boleh berpunca sama ada daripada alahan, jangkitan bakteria, atau jangkitan virus. Simptom biasa seperti kegatalan, kemerah-merahan, mata berair dan kerak mata yang berlebihan.



AMALAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN DIRI SEMASA BANJIR

- Minum air sudah dimasak atau air minuman berbotol
- Jika makan buah, kupas kulitnya
- Larang kanak-kanak bermain air banjir
- Jaga kebersihan diri dan persekitaran
- Balut luka jika cedera
- Makan makanan yang sudah dimasak dan elak makan makanan mentah
- Jaga kebersihan dan keselamatan makanan
- Jangan merokok dan menghisap vape di pusat pemindahan sementara
- Pesakit kronik perlu patuh dengan arahan pasukan perubatan
- Segera dapatkan rawatan sekiranya mengalami demam, cirit-birit, muntah dan lain-lain masalah kesihatan

- 2/12
154

Monsoon season turbulent time for street hawkers

THE SUN 2/12

► Vendors complain of downpours spoiling prepared food, storms damaging tents and delivering orders in heavy rain

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The monsoon season has brought persistent thunderstorms, heavy rains and strong winds to urban and rural areas, and the Meteorological Department's forecast predicts persistent rain and thunderstorms.

Street hawkers who depend on their roadside stalls for livelihood are greatly affected by the poor weather conditions.

Devi Bala Manugara, 42, who operates a food stall in Brickfields under a tent, said heavy rain often spoils the food she prepares for sale, leaving her with no choice but to discard it.

"Sometimes, we have to hold onto our tents to stop them from flying off in strong winds. It is tough but we have little choice," she said, expressing gratitude that despite the challenging weather, some customers still step out of their cars to buy her food.

Devi and her husband also deliver orders to their customers waiting in their vehicles, with one hand holding an umbrella and the other clutching the packed food.

"If a customer forgets something, we have to walk back in the rain to get it for them."

She said many customers do not realise how difficult it is for hawkers during the

monsoon season as, unlike restaurants with proper roofs, hawkers rely on temporary setups that can barely withstand the weather.

"It is not easy but we do our best to serve everyone, even in the rain, to earn an income."

Another stall owner, who operates in Shah Alam and asked to be known as Samsiah, 49, said one of her tents was seriously damaged during a recent rainstorm.

"When such things happen, I am unable to operate my stall, which means I have no income for a few days. I hope the government would give us a permanent place to operate from."

In Budget 2025, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said RM100 million would be allocated to build better facilities for hawkers and petty traders, aiming to enhance their working conditions by providing improved infrastructure and reducing rental costs.

It is also expected to provide them with much-needed relief by enabling the construction of sturdier stalls and creating safer, more weather-resistant trading spaces. For many, this could mean fewer disruptions to their businesses and a steadier income during challenging weather conditions.

Negeri Sembilan Night Market Hawkers Association president Datuk Lee Teong Chwee said if funds are available, they would be used to improve infrastructure, provide

financial aid or organise programmes to support hawkers during challenging periods.

"Associations traditionally do not provide direct financial aid or funding to hawkers. We might step in during emergencies, helping with financial assistance to help cover medical needs or education for the children of our members."

Hawkers operating in indoor markets managed by local councils have fixed rental rates that will not be reduced regardless of weather conditions whereas night market organisers sometimes offer reduced daily rental charges during bad weather as a small relief to help hawkers sustain operations.

Lee said hawkers must save money during good times to sustain themselves when times are bad.

"They work tirelessly, knowing that any day could bring challenges such as rain or wind. Personal savings are their backup."

He said one pressing issue for hawkers is the lack of proper shelter, and although covered stalls or waterproof canopies could provide much-needed protection, the association faces financial and logistical constraints in implementing such solutions.

"We need to collaborate with local councils to create sheltered spaces. However, progress has been slow due to limited interest from authorities."

"There are no programmes or efforts made to help hawkers promote their businesses through digital platforms. This is an area that holds great potential for future development as many hawkers could benefit from wider exposure and access to online customers."



Lee said a pressing issue for hawkers is the lack of proper shelter, and although covered stalls or waterproof canopies could provide much-needed protection, the association faces financial and logistical constraints in implementing such solutions. — AMIRUL SYAFIQ/THESUN

THE SUN

01 DEC 2024

Tarikh:

Support for City Hall action on non-bilingual signboards

► Status of Malay language enshrined in Federal Constitution and use in official matters mandated, says expert

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Bilingual signboards in Malaysia that prioritise the Malay language are in line with the Advertisement By-Laws (Federal Territories) 1982 and the Local Government Act 1976, and should not be questioned, said experts.

They were responding to Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Tiong King Sing, who disagreed with enforcement of bilingual signboard regulations by Kuala Lumpur City Hall, stating that it has caused dissatisfaction and created negative perceptions among tourists.

Tiong was reacting to a large-scale operation last Thursday in Segambut, Pudu and Jalan Silang in Kuala Lumpur targeting signboards that do not feature the Malay language or were not bilingual.

Linguistic expert Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim said efforts should focus on strengthening the role of the national

language rather than over-accommodating tourists as this is essential for preserving national identity and unity.

"Tourists generally understand and respect each country's rules and regulations regarding the use of their national language on signboards. As long as sufficient information is provided in English to aid navigation, there should be no issue," she said.

Nik Safiah added that the National Language Policy is clear and has been in place for a long time, yet it is still not being respected.

"I support signboards in the national language with some bilingual elements for the benefit of foreign tourists. I urge all parties to be aware of the policy and to respect it," she said.

UiTM Academy of Language Studies Centre for Malay Language Studies head Dr Rozaimah Rashidin said criticism by the minister regarding signboards does not need to be politicised.

She noted that every local authority has established laws and regulations, and such issues should be handled with care and tact.

"The status of the Malay language as the national and official language is enshrined in Article 152 of the Federal Constitution, which mandates its use in official matters, including public displays such as road signs, noticeboards and public information boards," she said.

Rozaimah explained that enforcement by City Hall aims to ensure business premises

adhere to the Advertisement By-Laws (Federal Territories) 1982 and the Local Government Act 1976.

"Are signboards emphasising the national language truly creating dissatisfaction and negative perceptions among tourists? Comprehensive surveys or studies considering tourist feedback are needed to substantiate such claims.

"The Malay language, along with local dialects, other languages and ethnic tongues, represents unique cultural elements that the ministry itself should highlight as part of Malaysia's tourism products, underscoring that 'language is the soul of the nation,' she said.

She emphasised that the sovereignty of the Malay language must be upheld without sidelining other languages in the country.

"Current regulations do not negatively impact tourist perceptions of Malaysia's inclusiveness if enforced firmly. Prioritising the national language highlights the Malay language as a cultural symbol, offering tourists a meaningful and authentic experience that fosters deeper engagement with Malaysia's rich and diverse heritage."

Rozaimah said in cultural preservation, language is the most accessible asset to symbolise and sustain a community's heritage.

"Tourism industry players incorporating the Malay language and other local languages into their offerings adopt a smart strategy to preserve cultural heritage."



Rozaimah said the sovereignty of the Malay language must be upheld without sidelining other languages. — ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

'Be transparent about new education assessment plan'

► Govt must play proactive role in providing clear explanation on move to shift from exam-focused learning to school-based evaluation, says expert

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

THE SUN 2/12

PETALING JAYA: Reforming the education syllabus and providing clear and transparent explanations about the new assessment system must be the priority if the government shifts to school-based assessment instead of national exams, said Universiti Kebangsaan Malaysia senior lecturer Dr Anuar Ahmad.

He was commenting on Education Minister Fadhlina Sidek's announcement in the Dewan Rakyat on Nov 26 that her ministry is moving away from exam-focused learning to reduce stress among students.

She said the ministry is shifting to enquiry, exploration, and holistic learning methods to support students' overall growth rather than focus solely on academic results.

The *Ujian Pencapaian Sekolah Rendah* was abolished in 2021, followed by the cancellation of the *Pentaksiran Tingkatan Tiga* in 2022. These reforms marked a shift away from

high-stakes exams and aimed to reduce the emphasis on tests.

Anuar said the current syllabus, which was drafted in 2012 and reviewed in 2017, remains exam-oriented. As a result, the existing assessment system does not fully align with the vision of a less exam-centric education system.

"Parents have not received a clear and reassuring explanation about how this new assessment will be implemented, making it difficult for them to trust and understand the change.

"They are not even clear about how the assessment will work. As long as this continues, they will question the changes. The ministry must play a proactive role in communicating the details to the public."

Anuar said while exams are still a necessary part of the education system, they should not be viewed solely as sources of stress. Instead, they should be balanced with other forms of assessments that support holistic development.

"Our education system still requires examinations, which may cause stress for children, but this stress is manageable."

Anuar advocated the concept of "eustress", which is a positive form of stress that helps students prepare, concentrate, and perform better.

"It is a short-term and manageable experience. After achieving their goals, students experience relief, happiness and enhanced self-esteem.

"However, stress becomes harmful when comparisons from parents, teachers, or schools, transform manageable stress into chronic stress, which leads to burnout, anxiety, and

diminished motivation. Effectively managing stress requires cooperation from all parties."

On April 25, a World Bank report titled "Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills" raised concerns about Malaysia's education system.

Despite significant government investment, Malaysian students are still performing poorly in comparison with their regional counterparts.

By the end of Year 5, only 58% of Malaysian pupils are proficient in reading, trailing behind neighbouring nations with similar economic standing.

This highlights the need for reforms that not only reduce stress but also improve academic outcomes.

In a related move, Sarawak recently announced that Year Six pupils will sit for the state's standardised assessments in Mathematics, Science and English starting next year.

This initiative aims to assess the progress of the dual-language programme and better prepare them for the Sijil Pelajaran Malaysia.

Anuar praised Sarawak's move, signalling its effort to address gaps in the current education system while offering a more tailored, state-level approach to evaluating students.

He expressed hope that the education minister will address the issue effectively and emphasised the need for careful planning.

"Transitioning from an exam-oriented to a non-exam education system depends on the government's commitment and how well parents and educators collaborate for a more balanced and effective educational environment for students," he said.

THE SUN
01 DEC 2024

Tarikh: